

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) MUKA SURAT

Jawapan yang disediakan
jawab semua soalan di dalam kertas

BAHAGIAN B:

disediakan

Jawab di dalam borang OMR yang

BAHAGIAN A:

ARAHAN

: 2 JAM

JANGKA MASA

: JUN/JULAI 2019

TARIKH PEPERIKSAAN

: BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG

KOD PROGRAM

: BBD 10102

KOD KURSUS

: FALSAPAH PENDIDIKAN

NAMA KURSUS

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2018/2019**

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UTHM



BAHAGIAN A:**SULIT**

- S1** Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'philos' dan 'sophia'?
- A. cintakan hikmah
 - B. cintakan kebijaksanaan
 - C. cintakan ilmu
 - D. cintakan pengetahuan
- S2** Apakah kepentingan utama para pendidik memahami falsafah?
- A. menyebarkan ilmu sains dan sastera
 - B. menghasilkan pengetahuan yang logik
 - C. memberikan pandangan sistematik terhadap ilmu
 - D. menghasilkan aplikasi terhadap pengetahuan
- S3** Apakah perkaitan di antara pendidikan dan falsafah?
- A. Pendidikan merupakan ilmu pengetahuan dan falsafah merupakan tujuan penggunaan ilmu tersebut di dalam kehidupan
 - B. Pendidikan merupakan ilmu dan falsafah merupakan logik di sebalik kehidupan
 - C. Pendidikan merupakan logik sesebuah ilmu pengetahuan dan falsafah merupakan nilai sebalik logik tersebut
 - D. Pendidikan merupakan ilmu aplikasi dan falsafah merupakan proses berfikir
- S4** Definisi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) paling tepat ialah
- A. Pendidikan yang menerap kemahiran yang diperlukan di dalam alam pekerjaan
 - B. Pendidikan yang fokus kepada 60% latihan dan 40% teori di dalam proses pembelajaran
 - C. Pendidikan yang berunsur gabungan amali dan pembelajaran teori di dalam kelas
 - D. Pendidikan abad ke-21
- S5** Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV) mula diperkenalkan oleh United Nations Education, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) bertujuan untuk
- A. membantu pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan dari luar bandar
 - B. menjadikan PLTV sebagai nilai tambah kepada pelajar
 - C. membangunkan pengetahuan asas, pengetahuan teknikal dan kemahiran kerja praktikal pelajar
 - D. menggantikan pengajian akademik yang ditawarkan di sekolah harian

- S6 Emat (1993) menyatakan terdapat empat faktor kegagalan sekolah-sekolah teknik di Malaysia. Antara berikut, faktor manakah yang tidak menyumbang kepada kegagalan tersebut?
- A. Persepsi negatif terhadap kerja-kerja teknikal
 - B. Ibu bapa menilai pencapaian akademik lebih daripada kemahiran
 - C. Masyarakat meragui kualiti pendidikan sekolah teknikal
 - D. Penubuhan sekolah teknik tidak mendapat sokongan kerajaan
- S7 Berikut merupakan falsafah Socrates dan Plato tentang pendidikan.
- A. Hidup tanpa falsafah umpama hidup terkapai di lautan
 - B. Matlamat pendidikan adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan
 - C. Falsafah merupakan tujuan utama hidup seseorang
 - D. Individu yang berfalsafah merupakan individu yang berprinsip
- S8 Cabang falsafah aksiologi merupakan aliran yang mengkaji
- A. nilai di dalam sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan
 - B. realiti sesuatu perkara yang berlaku
 - C. kaedah melakukan sesuatu perkara dengan betul
 - D. wahyu kejadian alam dan pengalaman
- S9 Berikan definisi *metafizik* dari segi istilah.
- A. Meta – sebelum, fizik – alam nyata
 - B. Meta – sebelum, fizik – alam ideal
 - C. Meta – selepas, fizik – alam realiti
 - D. Meta – selepas, fizik – alam roh
- S10 Aliran falsafah tradisional terdiri daripada aliran
- A. aliran pragmatisme dan idealisme
 - B. aliran eksistensialisme dan pragmatisme
 - C. aliran realisme dan idealisme
 - D. aliran pragmatisme dan realisme
- S11 Peranan guru dalam falsafah idealisme ialah
- A. memastikan pelajar menerokai perkara yang mereka sukai
 - B. memastikan pelajar membaca, mengira dan menulis
 - C. memastikan pelajar diberi kebebasan bersuara
 - D. memastikan pelajar dapat berfikir seperti Hamka

- S12** Berikut merupakan ciri-ciri guru yang berpegang kepada falsafah pragmatisme.
- A. Selalu menceritakan tentang kehebatan sejarah
 - B. Kerap memanggil pelajar untuk menjawab soalan
 - C. Menjadikan tokoh-tokoh sebagai watak utama dalam pengajaran
 - D. Selalu membuat demonstrasi supaya pelajar dapat mengikuti arahan
- S13** Guru yang berpegang kepada falsafah realisme berpendapat bahawa
- A. semua pengajaran perlu disokong dengan akal dan logik fikiran
 - B. semua pengajaran tidak perlu nilai dan etika
 - C. pengajaran merupakan pemindahan ilmu yang tidak boleh dipertikaikan
 - D. pengajaran haruslah berpandukan pengajaran ahli falsafah terdahulu
- S14** Guru yang memegang falsafah eksistentialisme berpendapat bahawa
- A. Semua pelajar harus pandai berbuat semua perkara
 - B. Fokus pendidikan perlu mengikut kebolehan individu pelajar
 - C. Pelajar tidak boleh dipaksa membuat apa yang mereka tidak mahu
 - D. Pelajar haruslah dibimbing untuk mempelajari kemahiran dalam hidup
- S15** Perbezaan *school of thoughts* bertujuan untuk
- A. meraikan perbezaan pendapat
 - B. mencari kebaikan dan kelemahan setiap aliran
 - C. memahami limitasi manusia
 - D. mencari kaedah terbaik bagi mengaplikasi pendidikan
- S16** Di antara falsafah berikut, yang manakah merupakan falsafah tradisional?
- A. Perennialisme dan progresivisme
 - B. Perennialisme dan esensialisme
 - C. Esensialisme dan progresivisme
 - D. Progresivisme dan rekonstruktivisme
- S17** Antara yang berikut, yang manakah bukan merupakan prinsip dasar fahaman perennialisme?
- A. Pendidikan tidak harus sama untuk setiap manusia kerana setiap manusia berbeza
 - B. Kebijakan adalah ciri utama manusia
 - C. Tugas pendidikan adalah untuk menyelaraskan manusia kepada kebenaran
 - D. Pendidikan haruslah diperkenalkan berasaskan kebijaksanaan karya-karya agung

- S18 Tujuan utama pendidikan mengikut fahaman rekonstruktivisme ialah
- A. mendidik manusia dalam perkembangan umum pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam bentuk yang sistematik
 - B. pendidikan yang merujuk kepada cara pemikiran golongan karya agung
 - C. pendidikan tidak boleh disekat tetapi hendaklah menjadi asas kepada pemikiran pelajar
 - D. menyusun semula masyarakat untuk meneliti krisis sosial dan kebudayaan
- S19 Pendidikan dari aspek falsafah pendidikan Islam terdiri daripada
- A. *tarbiyyah, ta'adib dan ta'lim*
 - B. *tarbiyyah, taksum dan ta'adib*
 - C. *ta'dib, ta'lim dan tarbiyyah*
 - D. *tarbiyyah, ta'lim dan talaqi*
- S20 Fokus utama falsafah pendidikan Islam menitikberatkan proses perkembangan berikut kecuali
- A. spritual
 - B. emosi
 - C. rohani
 - D. jasmani
- S21 Matlamat utama falsafah pendidikan Islam ialah
- A. Melahirkan insan berjaya dunia dan akhirat
 - B. Melahirkan khalifah yang *kamil*
 - C. Melahirkan pemimpin yang luar biasa
 - D. Melahirkan manusia yang menurut perintah pemimpin
- S22 Sejarah pendidikan di Malaysia boleh dibahagikan kepada peringkat
- A. Sebelum penjajahan British, semasa penjajahan British, pembentukan Malayan Union sehingga merdeka, dan di antara merdeka dan pembentukan Malaysia
 - B. Sebelum penjajahan British, semasa penjajahan Jepun, selepas penjajahan Jepun, dan semasa penjajahan British
 - C. Selepas penjajahan Belanda, selepas penjajahan Portugis, sebelum penjajahan British, dan semasa penjajahan British
 - D. Sebelum penjajahan British, selepas penjajahan British, semasa penjajahan Jepun dan sebelum merdeka.

- S23** Di antara berikut, yang manakah tidak termasuk dalam pendidikan tradisional di Malaysia sebelum kedatangan British?
- A. Madrasah
 - B. Panglipur Lara
 - C. Sekolah Agama
 - D. Pendidikan Istana
- S24** Semasa penjajahan British, pendidikan agama disusun kepada institusi berikut iaitu
- A. Sekolah agama dan sekolah pondok
 - B. Sekolah pondok dan pasentran
 - C. Sekolah agama dan sekolah jenis kebangsaan
 - D. Sekolah agama dan madrasah moden
- S25** Semasa penjajahan British, sekolah venakular berikut ditubuhkan kecuali
- A. Sekolah venakular Cina
 - B. Sekolah venakular Tamil
 - C. Sekolah Inggeris
 - D. Sekolah Hindu
- S26** Rancangan Skinner mengemukakan racangan persekolahan berikut iaitu
- A. Sekolah dua sesi – pagi dan petang
 - B. Sekolah sesi anjal
 - C. Sekolah bertukang
 - D. *Homeschool*
- S27** Pada tahun 1935, Sekolah Melayu tidak mendapat sambutan rakyat kerana
- A. sekolah Melayu hanya fokus kepada pendidikan agama
 - B. sekolah Melayu hanya fokus mendidik pelajar menjadi guru agama
 - C. sekolah Inggeris lebih berprestij serta graduan lebih mudah mendapat pekerjaan
 - D. sekolah Inggeris lebih berkualiti dalam memberikan pendidikan
- S28** Di antara berikut, siapakan golongan yang menjadi pengasas Sekolah Cina di Malaysia?
- A. Persatuan Kristian dari Negara China
 - B. Persatuan Mubaligh dari London
 - C. Persatuan Kebangsaan Rakyat Cina Tanah Melayu
 - D. Persatuan Bangsa Cina seMalaysia

- S29** Antara berikut, yang manakah tidak termasuk di dalam elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)?
- A. Usaha berterusan dalam mendidik manusia
 - B. Stabil dalam jasmani, rohani, emosi dan intelek
 - C. Usaha mendidik merupakan usaha pendidik
 - D. Usaha berlandaskan kepada kepercayaan kepada Tuhan
- S30** Kronologi pembentukan Falsafah Pendidikan Negara adalah seperti berikut
- A. Laporan Cheeseman – Laporan Barnes – Laporan Fenn Wu – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Rahman Talib – Laporan Jawatankuasa Kabinet
 - B. Laporan Barnes – Laporan Cheeseman – Laporan Fenn Wu – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Rahman Talib – Laporan Jawatankuasa Kabinet
 - C. Laporan Cheeseman – Laporan Barnes – Laporan Fenn Wu – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Razak Kedua – Laporan Rahman Talib
 - D. Laporan Fenn Wu – Laporan Barnes – Laporan Nippon – Ordinan Pelajaran – Laporan Razak – Laporan Rahman Talib – Laporan Hussein Onn
- S31** Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) adalah hasil daripada
- A. Laporan Barnes
 - B. Laporan Jawatankuasa Kabinet
 - C. Ordinan Pelajaran
 - D. Laporan Rahman Talib
- S32** Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah digubal berlandaskan tiga komponen utama yang berikut kecuali
- A. Rukun Negara
 - B. Dasar Ekonomi Baru Ketiga (1976-1980)
 - C. Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999)
 - D. Dasar Pelajaran 1979
- S33** Berikut merupakan faktor pembentukan Falsafah Pendidikan Negara kecuali
- A. Individu
 - B. Sosial
 - C. Penjajah
 - D. Politik

- S34** Apakah peranan utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan?
- A. Sebagai dasar dan hala tuju pendidikan negara
 - B. Sebagai nilai murni perkembangan ilmu Sains dan Matematik
 - C. Sebagai cahaya menyuluh rohani manusia
 - D. Sebagai panduan tidak dijajah pendidikan luar
- S35** Falsafah Pendidikan Kebangsaan memberi kesan besar kepada pembentukan tiga elemen iaitu
- A. pembentukan kurikulum, pendidik, dan negara
 - B. kementerian, pembentukan kurikulum dan masyarakat
 - C. pembentukan kurikulum, pendidik dan institusi
 - D. pembentukan kurikulum, kementerian dan negara
- S36** Reformasi pendidikan di Malaysia terserlah di dalam idea berikut kecuali
- A. Wawasan 2020
 - B. Wawasan Pendidikan Global 2030
 - C. Islam Hadhari
 - D. Misi Nasional
- S37** Prinsip utama pendidikan di dalam konsep Islam Hadhari ialah
- A. pendidikan merupakan konsep Islam moden
 - B. pendidikan merupakan konsep Islam *syumul*
 - C. Pendidikan merupakan konsep Islam yang merujuk kisah para nabi
 - D. Pendidikan merupakan keseimbangan di dalam setiap agama, bukan sahaja agama Islam
- S38** Berapakah teras yang diketengahkan di dalam Misi Nasional?
- A. Empat
 - B. Tujuh
 - C. Lima
 - D. Sembilan
- S39** Asas kemahiran Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV) ialah
- A. Kemahiran numerasi dan literasi
 - B. Kemahiran menukang dan melepa
 - C. Kemahiran menggegag dan melarik
 - D. Kemahiran mengimpal dan memotong besi

S40 Piawaian Pendidikan Latihan dan Vokasional (PLTV) di dalam negara dilaksanakan melalui:

- A. NOSS dan SLDN
- B. KBSR dan KBSM
- C. KPM dan BPTV
- D. JPK dan BPTV

BAHAGIAN B:**S41**

- i. Falsafah berasal dari perkataan Yunani 'philos' dan 'sophia'. Huraikan maksud falsafah dari aspek bahasa.
(3 markah)
- ii. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dibina berdasarkan tiga cabang falsafah umum iaitu metafizik, epistemologi dan aksiologi. Nyatakan tiga (3) elemen di dalam FPK yang menekankan cabang falsafah tersebut.
(3 markah)
- iii. Socrates merupakan tokoh falsafah barat yang dikenali melalui falsafah beliau '*tanpa falsafah, hidup tiada tujuan*'. Huraikan dua (2) perkaitan falsafah beliau di dalam alam pendidikan.
(4 markah)
- iv. Falsafah Pendidikan Barat terbahagi kepada dua iaitu falsafah tradisional (*perennialisme & esensialisme*) dan moden (*progresivisme & rekonstruktivisme*). Tuliskan satu pernyataan pendidik (*educational statement*) yang anda hendak aplikasikan di dalam proses pengajaran anda. Anda hendaklah memilih dua (2) daripada empat falsafah pendidikan di atas sebagai rujukan.
(10 markah)

S42

- i. Huraikan dengan jelas bagaimana elemen idealisme dan pragmatisme digunakan untuk membangunkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).
(5 markah)
- ii. Terangkan dua (2) kepentingan pembentukan FPK dibuat berdasarkan aliran dan cabang falsafah.
(5 markah)
- iii. Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV) merupakan tunjang pendidikan untuk menyediakan graduan ke alam pekerjaan. Jelaskan bagaimana falsafah pragmatisme dikaitkan dengan pembentukan kurikulum PLTV.
(5 markah)
- iv. Guru merupakan tulang belakang sistem pendidikan di Malaysia. Huraikan bagaimana seorang guru yang mempunyai falsafah dapat memberi impak kepada proses pengajaran dan pembelajaran.
(5 markah)

-SOALAN TAMAT-